

**Rakyat main peranan penting dalam penggubalan dasar negara - TPM
AstroAwani
05 Disember 2019
Isabelle Leong,**

PUTRAJAYA: Rakyat memainkan peranan penting dalam perbualan penggubalan dasar negara masa depan, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Dr Wan Azizah berkata rakyat dan kerajaan perlu jujur dan mempunyai perbualan yang terbuka dalam membentuk masa depan Malaysia.

"Jangan biarkan ahli politik melakukannya dengan sendiri. Perbualan antara rakyat perlu berkesinambungan dan sepatutnya membentuk masa depan masyarakat Malaysia.

"Masa depan itu milik rakyat dan ahli-ahli politik perlu bertanggungjawab terhadap aspirasi rakyat," katanya dalam ucapan pada Bengkel Komunikasi Dunia 2019 (WowComm) di Putrajaya pada Khamis.

Turut hadir ialah Presiden Pengasas Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomik (IDEAS), Tunku Zain Al-'Abidin Tuanku Muhriz, Ketua Pengarang Astro AWANI, Kamarul Bahrin Haron dan Ketua Pengarang Malay Mail, Datuk Wong Sai Wan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (kedua dari kanan) melawat ruang pameran pada Bengkel Komunikasi Dunia 2019 (WowComm) di Putrajaya pada Khamis.

Dalam perkembangan yang sama, Datuk Wong Sai Wan bersetuju dengan pandangan Dr Wan Azizah tetapi beliau berharap agar kerajaan akan memberi respons dalam perbualan antara kerajaan dan rakyat.

“Komunikasi bermaksud terdapat maklumat yang keluar dan ada yang membalas.

“Jika hanya rakyat yang bercakap dan kerajaan kekal senyap, ia bukan komunikasi. Itu namanya protes.

“Saya berharap kerajaan membalas komunikasi antara rakyat dan kerajaan supaya wujud dua hala dan bukannya sehalu sahaja,” kata Wong apabila ditemui Astro AWANI selepas sesi perbincangan panelnya.

Sementara itu, Dr Wan Azizah turut menggesa rakyat supaya tidak terperangkap dalam polimik politik dan amalan benci-membenci.

Sebaliknya, rakyat Malaysia perlu berani menyuarakan pandangan dan menggunakan komunikasi untuk mengukuhkan demokrasi negara serta tidak membenarkan ia dirampas golongan pembenci.

© 2019 AstroAwani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/rakyat-main-peranan-penting-dalam-penggubalan-dasar-negara-tpm-224575>